

## **IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG BIL 02/2024**

- A.** Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia (Keutamaan Rakyat Negeri Pahang)** yang berkelayakan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Keutamaan adalah diberikan kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan yang baik dalam pengetahuan Agama Islam.

NO.	JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
1.	PEGAWAI TADBIR	N41	TETAP / KONTRAK	MIN : RM 2,080.00 MAKS : RM 9,546.00	RM 225.00
2.	PEGAWAI HAL EHWAL EKONOMI	E41	TETAP	MIN : RM 2,083.00 MAKS : RM 9,549.00	RM 225.00
3.	AKAUNTAN	WA41	TETAP	MIN : RM 2,820.00 MAKS : RM 9,585.00	RM 225.00
4.	PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM	S41	KONTRAK	MIN : RM 2,078.00 MAKS : RM 9,544.00	RM 225.00
5.	PEGAWAI PENERBITAN RANCANGAN	B41	KONTRAK	MIN : RM 2,095.00 MAKS : RM 9,870.00	RM 225.00
6.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	TETAP	MIN : RM 1,493.00 MAKS : RM 5,672.00	RM 145.00
7.	PENOLONG AKAUNTAN	W29	KONTRAK	MIN : RM 1,498.00 MAKS : RM 5,678.00	RM 145.00
8.	PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN RANCANGAN	B29	KONTRAK	MIN : RM 1,499.00 MAKS : RM 5,679.00	RM 145.00
9.	PEMBANTU TADBIR (PT/PO)	N19	TETAP / KONTRAK	MIN : RM 1,352.00 MAKS : RM 4,003.00	RM 100.00

### **B. SYARAT UMUM**

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.
3. Penaklukan di bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan Dan Kemudahan-Kemudahan :-
  - Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa ke semasa.
  - Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

### **C. SYARAT-SYARAT KHUSUS**

Syarat-syarat khusus adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

#### D. TATACARA PERMOHONAN

1. Borang permohonan jawatan kosong boleh didapati melalui QR kod dibawah :



2. Semua permohonan hendaklah menyertakan **SALINAN SIJIL YANG DISAHKAN** mengikut kelayakan yang disyaratkan. Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua **maklumat** adalah **tepat dan terkini** sebelum permohonan dibuat.
4. Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon pada penjuru kiri atas sampul surat yang dihantar. Semua permohonan hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,  
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH (KISHAS),  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **28 JUN 2024**.

#### CATATAN AM

1. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohon-pemohon yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
3. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi **Cik Norainie Binti Ab. Rahman / Encik Mohd Redzuan Bin Abdullah** (Unit Pembangunan Sumber Manusia) Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di talian **09-4221311 ext : 1073 /1025**.

**LAMPIRAN A1****JAWATAN 1**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR	N41	TETAP / KONTRAK	MIN : RM 2,080.00 MAKS : RM 9,546.00	2
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab merancang, menggubal, mengurus, menyelaras, melaksanakan dan menilai dasar dan peraturan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran organisasi termasuklah pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta penyelidikan dan pembangunan pengurusan.			

- i. **SYARAT LANTIKAN** : a) Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,080.00); atau
- b) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM 2,283.00);
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**LAMPIRAN A2**

**JAWATAN 2**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PEGAWAI HAL EHWAL EKONOMI	E41	TETAP	MIN : RM 2,083.00 MAKS : RM 9,549.00	1
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab dalam menguruskan harta-harta iaitu bangunan dan harta tanah serta melaksanakan penguatkuasaan Undang-Undang dan membuat Analisa dalam sesuatu projek pelaburan / perniagaan yang baru. Turut bertanggungjawab dalam merancang dan membangunkan harta tanah serta menyediakan Laporan Prestasi Agensi kepada Ahli Lembaga dan Stakeholder yang berkenaan.			

- i. SYARAT LANTIKAN :**
- a) Ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,083.00); atau
  - b) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,286.57); atau
  - c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,490.99); atau
  - d) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,797.62); atau
  - e) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,797.62); atau
  - f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
(Gaji Permulaan pada Gred E41 : RM2,899.83); atau
- ii. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**
- a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**LAMPIRAN A3****JAWATAN 3**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
AKAUNTAN	WA41	TETAP	MIN : RM 2,820.00 MAKS : RM 9,585.00	1
RINGKASAN TUGAS	Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakuanan dan kewangan, melaksanakan analisa Laporan Kewangan serta fungsi pembendaharaan, membantu dalam penyediaan anggaran dan ramalan tunai, mengendalikan proses audit dan menentukan kepatuhan terhadap undang-undang kewangan dan peraturan. Turut bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua transaksi kewangan diuruskan dengan teliti dan menghasilkan maklumat yang tepat dan boleh dipercayai.			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- b) Lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan  
(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- c) Lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA)  
(Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**LAMPIRAN A4****JAWATAN 4**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM	S41	KONTRAK	MIN : RM 2,078.00 MAKS : RM 9,544.00	2
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab dalam perancangan dan pengurusan Hal Ehwal Pentadbiran MUIP Cawangan Deaerah, mengurus urusan kewangan termasuk sub akaun, panjar wang runcit, agihan bantuan, kutipan sewa, peruntukan program dan lain-lain, mengurus permohonan zakat melalui Borang Bantuan MUIP (BBM), menjalankan penyiasatan kepada permohonan bantuan BBM, menyerahkan bantuan zakat kepada asnaf, merancang program-program dakwah kepada orang asli dan selain orang asli, Mengurus permohonan saudara baru, mengurus dan menyelaras taklimat amil, edaran resit zakat fitrah dan kutipan zakat fitrah, Memantau perkembangan dakwah termasuk kelas-kelas dakwah / agama di daerah.			

- i. **SYARAT LANTIKAN** : a) Ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,078.00); atau
- b) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengajian islam berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**LAMPIRAN A5****JAWATAN 5**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PEGAWAI PENERBITAN RANCANGAN	B41	KONTRAK	MIN : RM 2,095.00 MAKS : RM 9,870.00	1
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab dalam menerbitkan video rakaman bagi rancangan khas / rencana / dokumentari, bertanggungjawab dalam pengurusan kandungan kreatif bagi pemasaran digital, menyelaras perkhidmatan rekabentuk grafik, mentadbir hal ehwal pengurusan laman web rasmi jabatan dan mentadbir pengurusan bahan cetakan/ terbitan rasmi jabatan.			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang perfileman dan / atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,095.00); atau
- b) Ijazah sarjana muda dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,095.00).
- c) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau perfileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B41: RM2,302.30).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. **SYARAT UJIAN KHAS :** a) Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti.

**LAMPIRAN A6****JAWATAN 6**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	TETAP	MIN : RM 1,493.00 MAKS : RM 5,672.00	1
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan Konsuler dan Penguatkuasaan Undang-undang.			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00)
- c) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**LAMPIRAN A7****JAWATAN 7**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PENOLONG AKAUNTAN	W29	KONTRAK	MIN : RM 1,498.00 MAKS : RM 5,678.00	1
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab melaksanakan, menyelia sistem dan operasi berkaitan dengan akaun pembayaran gaji, kutipan hasil, terimaan hasil, klasifikasi hasil, penyelenggaraan buku tunai, daftar deposit, amanah dan penyediaan laporan tahunan.			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- b) *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- c) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,776.08)
- d) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM2001.68).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**LAMPIRAN A8****JAWATAN 8**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PENOLONG PEGAWAI PENERBITAN RANCANGAN	B29	KONTRAK	MIN : RM 1,499.00 MAKS : RM 5,679.00	1
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab melaksanakan penyuntingan video rakaman bagi rancangan khas / rencana / dokumentari, menyelia peralatan-peralatan multimedia dan penyelenggaraan berkala, melaksanakan perkhidmatan penerbitan multimedia untuk kegunaan majlis rasmi, melaksanakan perkhidmatan jurugambar bagi program /aktiviti jabatan dan menyelia kandungan kreatif bagi media sosial rasmi jabatan.			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang profileman dan / atau penerbitan rancangan radio atau televisyen termasuk pementasan, teater, drama, hiburan, ehwal semasa dan lain-lain serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
- b) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
- c) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,499.00); atau
- d) Diploma dalam bidang animasi, komunikasi massa, multimedia, pengajian media, grafik komunikasi, fotografi, penyiaran atau profileman atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred B29: RM1,777.78).
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. **SYARAT UJIAN KHAS :** a) Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti.

**LAMPIRAN A9****JAWATAN 9**

JAWATAN	GRED	TAWARAN JAWATAN	JADUAL GAJI	KEKOSONGAN
PEMBANTU TADBIR (PT/PO)	N19	TETAP / KONTRAK	MIN : RM 1,352.00 MAKS : RM 4,003.00	9
RINGKASAN TUGAS	Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).			

- i. **SYARAT LANTIKAN :** a) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau
- b) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau
- c) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80)
- ii. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :** a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



# **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG**

## **PERINGATAN KEPADA PEMOHON:**

1. Isi satu borang permohonan untuk satu jawatan sahaja dengan tulisan sendiri (HURUF BESAR) Setiap permohonan hendaklah mengemukakan **Salinan Kad Pengenalan/Surat Beranak, Sijil Kerakyatan (jika berkenaan), Sijil Akademik dan Lain-Lain Sijil Berkaitan yang telah diakui sah.**
  2. Permohonan dari pegawai kerajaan yang berkhidmat hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab A 21.
  3. Pemohon yang memuat turun Borang Permohonan Jawatan Kosong melalui Portal MUIP hendaklah mengemukakan sekeping sampul surat bersetem dan beralamat sendiri bersama-sama Borang Permohonan.
  4. Satu Akuan Penerimaan permohonan akan dihantar dan pemohon yang terpilih sahaja akan dipanggil temuduga.
  5. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dialamatkan kepada **Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah (KISHAS), 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur.**

NAMA JAWATAN YANG DIPOHON:		
NAMA PENUH PEMOHON:		
TARIKH LAHIR:	TEMPAT LAHIR:	NO. KAD PENGENALAN:
JANTINA:	TARAF PERKAHWINAN:	UMUR PADA HARI IKLAN DITUTUP: .....THN..... BLN .....HARI
KERAKYATAN:	NO. SIJIL KERAKYATAN NEGERI:	WARGANEGERA:
ALAMAT LENGKAP SURAT MENYURAT:		NO. TELEFON:
		POSKOD:

Keterangan Berkenaan Dengan:	BAPA	dan	IBU
NAMA:			
ALAMAT:			
TEMPAT LAHIR:			
KERAKYATAN:			
KEMAHIRAN BAHASA:	Pertuturan:	Tulisan:	

## Gambar ukuran pasport

## **PERSEKOLAHAN/PENGAJIAN TINGGI**

**PERSEKOLAHAN/PENGAJIAN TINGGI**

<b>Nama dan Alamat Sekolah</b>	<b>Tahun</b>		<b>Darjah/Tingkatan Tertinggi Yang Akhir</b>				
	Masuk	Tamat					
<b>Nama Maktab/Universiti dan Alamatnya</b>	<b>Tahun</b>		<b>Diploma/Ijazah Diperolehi</b>				
	Masuk	Tamat					
<b>KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEKOLAH (Sertakan Salinan Sijil)</b>							
<b>SRP/LCE/PMR*</b>		<b>MCE/SPM/SPMV*</b>		<b>HSC/STP/STPM*</b>			
Tahun	Gred	Tahun	Gred	Tahun	Gred	Tahun	Gred
<b>Angka Giliran</b>		<b>Angka Giliran</b>		<b>Angka Giliran</b>		<b>Angka Giliran</b>	
Mata Pelajaran	Gred	Mata Pelajaran	Gred	Mata Pelajaran	Gred	Mata Pelajaran	Gred
B. Mal.		B. Mal (+) Lisan		B. Mal.			
B. Ing.		B. Ing.		B. Ing.			
P.A. Islam		P.A. Islam		P.A. Islam			
<b>PEMEGANG BIASISWA/PINJAMAN (tandakan /)</b>					<b>Nama Penaja Biasiswa/Pinjaman</b>		
Masih Terikat		Tidak terikat					
<b>PENGALAMAN</b>							
<b>Nama Jawatan</b>	<b>Majikan dan Alamatnya</b>			<b>Gaji Sebulan (RM)</b>	<b>Tempoh Bekerja</b>		
	Dari	Hingga					

\* potong mana yang tidak berkenaan.

+ potong perkataan dengan lisan sekiranya anda tidak lulus ujian lisan Bahasa Malaysia.

**KETERANGAN LAIN YANG MENYOKONG PERMOHONAN**

i) Berkенаan dengan Peperiksaan Jabatan, Kursus, Sijil Perdagangan, Trengkas dll:

ii) Aktiviti-Aktiviti Luar Bercorak Keagamaan:

iii) Aktiviti-Aktiviti Luar Kemasyarakatan:

Perakuan Diri Pemohon

1. Nama:

(Sila isikan maklumat 2 orang yang boleh dihubungi  
dan memberi keterangan berhubung dengan diri  
tuan/puan di ruang sebelah)

Jawatan:

Alamat:

2. Nama:

Jawatan:

Alamat:

Saya mengaku keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan betul.

.....  
Tandatangan Pemohon

Tarikh:.....

Bahagian ini untuk dikembalikan kepada pemohon



**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG  
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH**

**26600 PEKAN  
PAHANG DARUL MAKMUR**

Tel. Am :09-4221311/4223067  
No. Faks :09-4221885  
Website :[www.muip.gov.my](http://www.muip.gov.my)  
Email :[info@muip.gov.my](mailto:info@muip.gov.my)

---

Rujukan MUIP (\*):

Tarikh:

Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PENERIMAAN PERMOHONAN BORANG JAWATAN KOSONG  
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan permohonan tuan/puan bertarikh .....  
bagi jawatan .....  
selamat diterima serta mendapat perhatian.

2. Jika tuan/puan tidak menerima berita lanjut selepas enam (6) bulan dari tarikh permohonan tuan/puan itu, maka permohonan tuan adalah dianggap tidak berjaya.

Saya yang menurut perintah,

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam  
Melayu Pahang

(\*) UNTUK KEGUNAAN PEJABAT